




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di negeri ini adalah sebanyak 346 kes. Jumlah kumulatif ialah sebanyak 25,787 kes. Hari ini tiga (3) kes kematian dicatatkan iaitu masing-masing satu (1) kes di Daerah Keningau, Kudat dan Lahad Datu. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 369 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital. Manakala, seramai 2,373 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 645 orang di hospital dan 1,728 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 72 orang dan 16 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beaufort dan Beluran bertukar dari zon kuning ke zon jingga.

- 4 Pada hari ini, tiada kluster baharu dilaporkan.
- 5 Daripada 346 kes positif COVID-19 hari ini, sebanyak 127 kes (36.71%) adalah dari Daerah Kota Kinabalu, Lahad Datu, Sandakan dan Kudat yang berpunca dari saringan kontak rapat. Selebihnya iaitu 219 kes adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,007 katil. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah sebanyak 5,569 katil menjadikan jumlah keseluruhan 6,576 katil. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 36.09%.

B. PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI PENEMPATAN TELIPOK DAN KG NUMBAK, KOTA KINABALU

- 1 Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) masih membuat saringan (*screening*) COVID-19 di Penempatan Telipok dan Kg Numbak, Kota Kinabalu yang mempunyai jumlah penduduk padat iaitu sekitar 21 ribu orang.
- 2 Hasil keputusan ujian yang akan dikeluarkan oleh JKNS nanti dijangka akan menyumbang kepada kenaikan mendadak jumlah positif kes COVID-19 bagi Daerah Kota Kinabalu dalam masa yang terdekat (bergantung kepada proses ujian yang dijalankan).

C. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

- 1 Sehingga hari ini, sebanyak **202,121** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

D. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sebanyak 73 SJR telah dilaksanakan melibatkan pemeriksaan 53,270 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 162 buah kenderaan diarah berpatah balik manakala 19 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 79 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 34 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 15 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.

- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di tujuh (7) premis di empat (4) buah daerah iaitu Tawau, Kinabatangan, Kota Belud dan Semporna.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 39 lokasi di tujuh (7) buah daerah. Hebahan dibuat dalam tiga (3) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Murut dan Bahasa Bajau.

E. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 97.93%. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Kinabalu	99%
2	Kinabatangan	99%
3	Sipitang	99%
4	Kota Belud	99%
5	Kudat	98.5%
6	Kunak	98.5%
7	Beaufort	98.5%
8	Penampang	98%
9	Papar	98%
10	Kota Marudu	98%
11	Beluran	98%
12	Sandakan	98%
13	Tuaran	97%
14	Keningau	97%
15	Tenom	97%
16	Tawau	97%
17	Lahad Datu	97%
18	Semporna	97%
19	Ranau	96%

Kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantaian COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuatkuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Masyarakat juga adalah diingatkan untuk mematuhi SOP yang mewajibkan pemakaian gelang kuarantin selama 14 hari selepas menjalani saringan COVID-19. Gelang kuarantin hanya boleh dipotong oleh Pejabat Kesihatan Daerah yang terlibat setelah tempoh kuarantin tamat.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe
#workfromhome
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
21 November 2020**